



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA


BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2024



ISI KANDUNGAN

	- PERBADANAN PUTRAJAYA TERIMA ANUGERAH	3
	- MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, ANUGERAH KHIDMAT SETIA DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERBADANAN PUTRAJAYA 2024	4
	- 15,000 BUBUR LAMBUK DIAGIH KEPADA PENDUDUK PUTRAJAYA	6
	- JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN SANTUNI BAKAL JEMAAH HAJI	7
	- PERBADANAN PUTRAJAYA, TNB JALIN KERJASAMA BAGI PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON	8
	- POWERMAN MALAYSIA 2024	9
	- TEMPOH PERCUBAAN ART DI PUTRAJAYA SEHINGGA 31 JULAI	10
	- PUTRAJAYA PARK'S DAY 2024	11
	- SAMBUTAN AIDILADHA PERBADANAN PUTRAJAYA ANJURAN KRISPutra 2024	12
	- MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN RAMP FLYOVER SEPANJANG 300M DI JALAN P15H KE PERSIARAN TIMUR	15

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my
PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](#)



[Twitter@putrajayacorp](#)



[Youtube/perbadananputrajaya](#)



[Instagram/perbadananputrajaya](#)



PERBADANAN PUTRAJAYA TERIMA ANUGERAH

Perbadanan Putrajaya telah menerima Anugerah ASEAN Clean Tourist City 2024 - 2026 dalam Majlis Anugerah Standard Pelancongan ASEAN 2024.

Majlis Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan 2024-2026 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya.

Standard Pelancongan ASEAN berfungsi sebagai standard untuk semua negara anggota ASEAN dan pemain industri pelancongan serantau dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang kepada pelancong, dengan matlamat menjadikan ASEAN sebagai destinasi kelas dunia selaras dengan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016-2025.

Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan 2024 yang dianjurkan oleh MOTAC adalah untuk meraih 107 orang penerima yang telah memenuhi standard pelancongan ASEAN minimum.

20 daripada 107 orang penerima yang luar biasa juga menerima pengiktirafan ASEAN di Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2024 di Vientiane, Lao PDR pada 26 Januari 2024.

Anugerah Standard Pelancongan ASEAN terdiri daripada lima kategori iaitu :

1. "9th ASEAN Green Hotel".
2. "4th ASEAN Clean Tourist City Award".
3. "4th ASEAN MICE Venue Award (Meeting Room)".
4. "2nd ASEAN MICE Venue Award (Exhibition Venue)".
5. "4th ASEAN Sustainable Tourism Award (Gastronomy)".





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, ANUGERAH KHIDMAT SETIA DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERBADANAN PUTRAJAYA TAHUN 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khidmat Setia dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perbadanan Putrajaya 2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 25 April 2024 di dewan Seri Siantan Kompleks Perbadanan Putrajaya atas kerjasama dari Jabatan/Bahagian serta sokongan penuh dari YBhg. Dato' Presiden serta Naib-Naib Presiden di Perbadanan Putrajaya.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Sumber Manusia mengucapkan ribuan terima kasih di atas penglibatan dan komitmen yang diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur yang di terajui oleh YBrs. Encik Shamshul Joehari bin Zainal Mokhtar, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Korporat sendiri dan disokong oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya selain mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.





15,000 PEK BUBUR LAMBUK DIAGIH KEPADA PENDUDUK PUTRAJAYA



Sebanyak 25 periuk bubur lambuk siap dimasak dalam tempoh dua jam pada Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya di Presint 9, Putrajaya.

Program tahunan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) itu diadakan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd dan Tenaga Nasional Berhad.

Presiden PPj Datuk Fadlun Mak Ujud berkata, seramai 450 petugas terbabit termasuk Kelab Media Putrajaya dalam program bermula 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Menurutnya, jumlah periuk ditambah pada tahun ini kerana mendapat sambutan berbanding tahun lalu sebanyak 20 periuk.

Sebanyak 15,000 pek bubur lambuk diedarkan kepada penduduk di sekitar sub zon yang terlibat.

Program ini bertujuan mewujudkan silaturahim dalam kalangan semua pihak di samping memeriahkan sambutan Ramadan. Program ini juga akan diteruskan pada tahun depan dengan membuat lebih banyak penambahbaikan.



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN SANTUNI BAKAL JEMAAH HAJI



Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menyantuni jemaah-jemaah haji terdiri daripada warga Putrajaya menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Haji Muasassah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, Presiden PPj.

Seramai 579 warga Putrajaya yang bakal menunaikan fardu haji pada tahun ini menerima sumbangan sebanyak RM500.00 setiap orang dengan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM289,500.00. Senarai penerima adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Lembaga Tabung Haji.



PERBADANAN PUTRAJAYA, TNB JALIN KERJASAMA BAGI PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON

4 JUN 2024



Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) yang memfokuskan kepada pembangunan tenaga elektrik, tenaga boleh baharu serta pembangunan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon di Putrajaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa telah menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara Presiden Perbadanan Putrajaya Dato' Fadlun bin Mak Ujud dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan semasa hadir pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Di Antara Perbadanan Putrajaya Dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Perjanjian Supply Agreement Renewable Energy (SARE) pada 4 Jun 2024. Turut hadir Ketua Pegawai Retail TNB Kamal Arifin A. Rahman.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata kerjasama itu merangkumi pembangunan, penyelenggaraan, penyelidikan dan latihan berkaitan tenaga boleh baharu termasuk pembangunan solar bumbung, kenderaan elektrik dan infrastruktur, tenaga berkaitan infrastruktur

awam serta menjadikan Putrajaya sebagai lokasi makmal hidup untuk teknologi berkaitan tenaga.

Kerjasama ini menyokong usaha kerajaan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NTER) serta beberapa pelaksanaan di Putrajaya termasuk Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya (2018-2025) dan Pelan Hala Tuju Putrajaya Bandar Rendah Karbon menjelang 2030. bootstrap slideshow Kerjasama ini juga mampu membawa penjimatan berjumlah RM2.5 juta kepada PPj bagi tempoh 20 tahun.

Selain itu, MoU berkenaan juga selari ke arah menjayakan visi 'C.H.A.S.E City' (bandar bersih, sihat, maju, selamat and mesra alam) yang digagaskan Jabatan Wilayah Persekutuan.

Sebagai permulaan program SARE, TNB melalui anak syarikatnya GSPARX akan memasang sistem solar berkapasiti 363 kilowatt (kWp) di Kompleks PPj dan lapan lagi bangunan utama antaranya Taman Equestrian Putrajaya dan Kelab Tasik Putrajaya yang dijangka siap awal tahun 2025.

GSPARX turut menawarkan tawaran promosi khas solar untuk 200 kediaman kepada warga Putrajaya yang ingin menggunakan tenaga hijau di samping menikmati penjimatan bil elektrik.

Promosi akan berlangsung selama dua bulan bermula 1 Jun hingga 31 Julai 2024 melalui tiga kaedah permohonan iaitu secara fizikal di Kedai Tenaga Putrajaya, melalui telefon di talian 0103376769/01136463837 atau emel di retail.putrajaya@tnb.com.my.

MoU ini juga akan menyaksikan beberapa usaha ke arah tenaga hijau antaranya pemasangan 28,000 tiang lampu diod pemancar cahaya (LED) di sekitar Putrajaya dan 500 stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) menjelang 2030 daripada 18 stesen setakat ini.

POWERMAN MALAYSIA 2024



Putrajaya sekali lagi menjadi tuan rumah untuk acara duatlon terbesar dunia, apabila pelari dan penunggang basikal tempatan dan antarabangsa terbaik dari seluruh dunia berkumpul di Dataran Putrajaya bagi merebut gelaran Powerman Malaysia. Tahun 2024 ini merupakan edisi yang ke-19 acara berprestij ini, dibuat lebih istimewa dengan kerjasama penaja baharu, JAECOO.

Powerman Malaysia 2024 yang dianggap sebagai acara larian-berbasikal-larian (run-bike-run) duathlon terbesar dunia, menarik penyertaan lebih 3,000 peserta bermula umur 6 hingga 78 tahun dari 32 negara menyaksikan lebih dua atlet elit bersaing di jalanan Putrajaya merentasi pelbagai kategori jarak.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah kategori jarak Klasik (larian 10km, basikal 60km dan larian 10km), kategori jarak dekat (larian 5km, basikal 30km dan larian 5km),

dan 3 kategori Powerkids yang menarik untuk anak muda (umur 6-15 tahun). Acara ini turut mengalu-alukan kehadiran 20 kanak-kanak kurang upaya fizikal dan berkeperluan khas, yang disambut meriah oleh semua penonton dan peserta.

Hadir pada majlis pelepasan bagi kategori elit, klasik dan dekat Powerman 2024 ialah Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan Malaysia; Dato' Fadlun Mak Ujud, presiden Perbadanan Putrajaya; Emily Lek, naib presiden JAECOO Malaysia dan Mohammad Isa Abdul Halim, pengarah mesyuarat & Insentif sokongan di Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB).

John Leerams Chicano dari Filipina menduduki tempat teratas dalam kategori lelaki elit dengan catatan masa 02:41:48 manakala Rendy Williams dari Amerika Syarikat muncul sebagai atlet wanita terbaik dengan masa 03:09:34.

Peserta Malaysia, Esther Joy Hong Li Chen (03:13:35) berada di tempat kedua bagi kategori elit Wanita manaka Mohd Rabani Bin Hashim (02:58:41) dan Nazri Muhamad (02:59:24) menamatkan perlumbaan kelima dan keenam bagi kategori elit lelaki.





Tempoh Percubaan ART Di Putrajaya Hingga 31 Julai

Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan (MoT) sedang melaksanakan tempoh percubaan operasi Kenderaan Transit Aliran Automatik (ART) atau trem tanpa landasan, bermula 13 Mei 2024 hingga 31 Julai 2024.

Projek rintis di Putrajaya ini adalah usaha PPj mengetengahkan ART sebagai satu daripada mod pengangkutan yang boleh melengkapkan rangkaian sistem sedia ada. Sekiranya semua berjalan lancar, perkhidmatan trem itu dijangka bermula akhir tahun 2024.

Menurut Jurutera di Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan Bahagian Trafik Dan Pengangkutan Awam PPj, Muhammad Masrizal Saad, dua laluan diperkenalkan sempena tempoh percubaan berkenaan, iaitu Laluan 1 yang beroperasi dari Isnin hingga Jumaat dan Laluan 2 Sabtu dan Ahad sahaja.

Laluan 1 bermula dari Stesen MRT Putrajaya Sentral dan melalui destinasi pentadbiran kerajaan di Presint 2, 3 serta 4, manakala untuk Laluan 2 pula dari Stesen MRT Putrajaya Sentral ke IOI City Mall.

ART menggunakan teknologi dari anak syarikat China, CRRC yang juga syarikat pengeluar utama sistem dan komponen rel di dunia. Trem yang tidak bergantung dengan penggunaan bahan api ini boleh menampung

hingga 239 penumpang pada waktu biasa dan 307 orang pada waktu puncak.

Tiada bayaran dikenakan pada penumpang ketika tempoh percubaan ini. Orang awam yang ingin mencuba pengalaman menaiki ART hanya perlu menggunakan aplikasi melalui kod QR yang disediakan di stesen mengambil penumpang.

Diharapkan kemudahan terbaru ini akan berupaya menarik lebih ramai pelancong datang ke Putrajaya untuk menikmati penggunaan trem, di samping dapat melonjakkan ekonomi setempat.

Maklumat lanjut berkenaan pengoperasian ART sepanjang tempoh percubaan boleh didapati dalam laman sesawang dan laman media sosial rasmi PPj di <https://www.ppj.gov.my/>.

JADUAL LALUAN
Kenderaan Transit Aliran Automatik (ART)

Operasi Isnin-Jumaat	Waktu operasi :	Trip 1	Trip 2	Trip 3
MRT Putrajaya Sentral	8.30 am	11.30 am	2.30 pm	
D. Wawasan/Kompleks F	9.30 am	12.30 pm	3.30 pm	
MRT Putrajaya Sentral	10.30 am	1.30 pm	4.30 pm	
Depot P9 (Pengesahan semula)	10.30 am- 11.30 am	1.30 pm- 2.30 pm	4.30 pm- 5.30 pm	

Operasi tamat : Waktu perselenggaran 5.30pm-6.30pm
*Terbatuk kepada masa selesain dalam pengujian pra-operasi dan keadaan trafik semasa

Operasi Sabtu & Ahad	Waktu operasi :	Trip 1	Trip 2	Trip 3
MRT Putrajaya Sentral	8.30 am	11.30 am	2.30 pm	
IOI CITY MALL	9.30 am	12.30 pm	3.30 pm	
MRT Putrajaya Sentral	10.30 am	1.30 pm	4.30 pm	
Depot P9 (Pengesahan semula)	10.30 am- 11.30 am	1.30 pm- 2.30 pm	4.30 pm- 5.30 pm	

Operasi tamat : Waktu perselenggaran 5.30pm-6.30pm
*Terbatuk kepada masa selesain dalam pengujian pra-operasi dan keadaan trafik semasa

PERCUMA !

Putrajaya Park's Day 2024



Putrajaya Park's Day bertujuan mempromosi keunikan dan kepelbagaian 12 taman awam yang terdapat di pusat pentadbiran kerajaan di sini, sekali gus menjadikannya sebagai tarikan pelancong domestik dan antarabangsa. Program ini juga dapat mengetengahkan warisan dan pertanian di Malaysia dengan keunikan dusun dalam bandar berkonsepkan Agro Tourism.

Bertemakan 'Mengimbau Zaman Dulu-Dulu', antara aktiviti yang boleh dilakukan pengunjung termasuk bermain permainan tradisional seperti congkak dan sepak raga, menangkap belut di sawah, menanam padi dan aktiviti mengacau dodol, selain mengail menggunakan joran buluh dan larian 'She Run' sejauh lima kilometer berkonsepkan santai memakai pakaian tradisional.

Hanya dengan bayaran RM10, pengunjung berpeluang memakan buah-buahan sampai kenyang, di program Putrajaya Park's Day 2024 yang berlangsung di Taman Warisan Pertanian, Presint 16 berlangsung pada 22 – 23 Jun 2024.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' Fadlun Mak Ujud, berkata kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas dikenakan bayaran RM5 bagi merasai buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, mata kucing, duku langsat, pulasan dan nangka.

Majlis Perasmian Putrajaya Park's Day telah disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail.

PPj menyasarkan 5,000 pengunjung dan berhasrat menjadikan aktiviti ini sebagai acara tahunan dengan lokasi yang berbeza di masa depan. PPj turut bercadang mengadakan program kenduri durian pada musim durian tahun 2024 bagi memberi peluang kepada penduduk dan pengunjung untuk mendapatkan bekalan segar dari ladang dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).





SAMBUTAN AIDILADHA PPJ ANJURAN KRISPutra 2024

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengadakan Sambutan Aidiladha yang dianjurkan oleh KRISPutra pada 20 Jun 2024 bersamaan 13 Zulhijjah 1445H bertempat di Qiblat Walk Presint 3, Putrajaya.

Istimewanya untuk sambutan Aidiladha kali ini, juadah jamuan disediakan sendiri oleh pekhidmat PPj dengan konsep gotong-royong (rewang).

PPj telah menyumbangkan 2 ekor lembu untuk kenduri ini yang mana para pekhidmat PPj memulakan rewang seawal jam 7:30 pagi.







Kejohanan Sukan Piala Presiden Perbadanan Putrajaya

Kejohanan Sukan Piala Presiden Perbadanan (KSPP) Putrajaya antara Agensi di Putrajaya bagi acara Badminton Berpasukan disertai oleh 16 agensi berlangsung pada 22-23 Jun 2024 bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya.

KSPP Badminton Berpasukan mempertaruhkan Piala Pusingan serta hadiah keseluruhan berjumlah RM5,000.00.

KSPP 2024 antara agensi di Putrajaya mempertandingkan 6 acara sukan iaitu Badminton Berpasukan, Tenpin Boling, Dart, Perahu Panjang, Larian dan Golf secara berperingkat.

Ini merupakan penganjuran Kejohanan Tertinggi peringkat PPj yang dihadkan penyertaannya hanya kepada pekhidmat yang berkhidmat di Putrajaya sahaja.





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KEMENTERIAN KERJA RAYA



DERRIDA (M) SDN BHD



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN RAMP FLYOVER SEPANJANG 300M DI JALAN P15H KE PERSIARAN TIMUR BAGI TUJUAN PENYURAIAN TRAFIK

Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah menyempurnakan Penyerahan Projek Pembinaan Ramp/Flyover Sepanjang 300m Dari Jalan P15H Ke Persiaran Timur, kepada Yang Berhormat Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada 6 Jun 2024.

Hadir sama pada majlis penyerahan projek ini adalah YBhg. Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan), YBhg. Dato' Ir. Hj. Badioezaman Bin Ab Khalik Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) yang Menjalankan Tugas Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Ibrahim Bin Esa Pengarah Kanan Cawangan Jalan yang menjalankan Tugas Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi), Jabatan Wilayah Persekutuan dan YBhg. Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud Presiden Perbadanan Putrajaya.

Projek ini melibatkan pembinaan Jalan Bertingkat sepanjang 300 meter dengan piawaian U5, menghubungkan Jalan P15H di Presint 15 ke Persiaran Timur, serta merupakan hasil kajian dan solusi bagi menangani isu kesesakan lalu lintas di laluan utama Presint 15 (Roundabout 5 persimpangan), khususnya pada waktu puncak. Selain itu, ia menawarkan laluan alternatif kepada kira-kira 35,000 penduduk Presint 15 dan kawasan sekitar yang berulang-alik ke pejabat kerajaan Putrajaya (Core Island).

